

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 16/7/2013
Hari: Selasa M/S: 30
Ruangan: RENCANA

UUM / AA8 / BH / 16-7-2013 / P: 30 (1-2)

Nasib belia terpinggir perlu perhatian kerajaan

Ramai yang bercakap bahawa belia adalah pewaris kepeimpinan negara. Sikap dan pandangan mereka pada masa kini menentukan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur pada masa hadapan. Cuma adakah kita pernah bertanya, siapakah belia ini dan apakah yang mereka mahu? Apakah cabaran dan masalah yang dihadapi oleh belia di dalam negara kita ini?

Berdasarkan definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), belia boleh dikategorikan kalangan individu yang berumur antara 15 dan 24 tahun. Agak berbeza di Malaysia iaitu Dasar Belia Negara masih menetapkan bahawa belia berada dalam lingkungan umur 18 dan 40 tahun. Bagaimanapun, terdapat usaha untuk memperkenalkan Dasar Belia Negara yang baru serta menetapkan umur belia dalam lingkungan 18 dan 25 tahun.

Berdasarkan statistik 2012 Jabatan Perangkaan Malaysia, populasi belia di Malaysia ialah sebanyak 12,015,700 orang yang mana 6.11 juta adalah lelaki dan 5.905 juta adalah wanita, yang merangkumi 42.5 peratus jumlah populasi Malaysia secara keseluruhannya.

Isu yang hangat dibicarakan kini adalah berkenaan isu belia terpinggir. Sekurang-kurangnya terdapat dua bentuk

belia terpinggir yang memerlukan perhatian pihak kerajaan iaitu terpinggir dari segi sosio-ekonomi dan akses politik. Dari segi sosio-ekonomi, mengikut Jabatan Perangkaan lagi lebih kurang 4.5 juta belia Malaysia dari lingkungan umur 15-25 iaitu 25 peratus daripada jumlah belia negara adalah berada dalam kategori yang bermasalah atau terpinggir.

Pengangguran tinggi

Ramai belia daripada kategori ini berhadapan dengan masalah tidak tamat persekolahan, terbabit dengan aktiviti jenayah, seks rambang, kemiskinan bandar dan luar bandar, peluang pendidikan dan kesihatan yang terbatas dan banyak lagi. Belia juga terbeban dengan kos hidup yang tinggi khususnya di bandar yang tidak selari dengan pendapatan serta hutang kad kredit, pinjaman kereta dan pinjaman peribadi yang boleh menyebabkan 120,000 belia menjadi muflis menjelang 2020.

Malah kadar pengangguran di kalangan belia juga agak tinggi. Meskipun kadar pengangguran ne-

gara adalah agak rendah di dalam lingkungan 3 peratus. Tetapi mengikut Laporan Kajiselidik Tenaga Buruh (2007-2012) oleh Jabatan Perangkaan, pengangguran belia berada dalam trend yang sedang meningkat daripada 10.9 peratus ke 11.3 peratus antara 2008 dan 2011. Trend ini membimbangkan kerana ia akan memberikan impak kepada negara khususnya dari segi ekonomi dan keberdayasaingan Malaysia di dalam proses globalisasi.

Dari segi akses politik pula, ramai belia merasakan terpinggir kerana suara mereka tidak didengar dan interaksi antara pemimpin dan belia juga agak terbatas. Gerakan masyarakat sivil atau pertubuhan bukan kerajaan dari kalangan belia juga agak partisan atau bergerak atas landasan politik kepartian, tidak bergerak secara bebas sebagai kumpulan pendesak. Media arus perdana juga dilihat memperlekeh golongan belia sebagai mentah dan darah muda yang sering memberontak ingin menentang kerajaan.

Malah golongan ini juga yang ramai menyertai parti pembangkang kerana gagal menyertai parti pemerintah khususnya UMNO kerana dilihat sebagai ancaman kepada pemimpin tempatan. Oleh kerana mereka mahir dengan internet, mereka menggunakan media sosial untuk mengkritik kerajaan.

Apa yang pasti, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Menteri yang baru, Khairy Jamaluddin, sedar akan permasalahan ini. Dalam satu temubual dengan radio Australia, Khairy berjanji akan lebih berusaha untuk mendekati golongan belia ini. Pilihan Raya Umum Ke-13 telah mengajar kerajaan akan kepentingan golongan ini dibela dan dijaga kerana mereka adalah pewaris generasi Malaysia masa hadapan.

Beliau berjanji akan membentuk dasar dan program yang bersesuaian dengan minda, pemikiran dan gaya hidup golongan belia bagi membolehkan kerajaan lebih memahami golongan ini, mendekati mereka dan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Tambah lagi, pelan transformasi negara juga tidak secara khusus membincangkan isu belia. Oleh itu, satu dasar belia negara yang lebih komprehensif dan mantap perlulah dibentuk selari dengan agenda negara.

Jelas bahawa satu kajian menyeluruh perlu dilakukan untuk berhadapan dengan masalah golongan belia yang semakin mendesak kini. Isu belia ini tidak harus diselesaikan oleh KBS sahaja malah perlu digerakkan oleh semua kementerian yang terbabit.

Penulis
ialah Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia

Trend ini membimbangkan kerana ia akan memberikan impak kepada negara khususnya dari segi ekonomi dan keberdayasaingan Malaysia di dalam proses globalisasi"



**DR MOHD
AZIZUDDIN
MOHD SANI**

azizuddin@uum.edu.my